

[Policyholder Name]
[Address 001]
[Address 002]
[Address 003]
[Address 004]

[Date]

Pelan: [Plan Name]
Nombor Polisi: [Policy Number]

Pemegang Polisi yang dihormati,

Maklumat Terkini Dana Penyertaan Hayat Bagi Tahun 2024

Terima kasih atas kepercayaan berterusan anda kepada Zurich Malaysia sebagai penyedia insurans pilihan anda.

Walaupun pasaran kewangan dunia terus mengalami ketidaktentuan, tahun 2024 merupakan tahun yang positif bagi Dana Penyertaan Hayat, didorong terutamanya oleh pemulihan ekonomi domestik.

Kami dengan sukacitanya memaklumkan bahawa kami dapat mengekalkan pembayaran bonus dan dividen untuk polisi anda dalam Dana Penyertaan Hayat bagi tahun kewangan 2024, berdasarkan kadar bonus seperti yang dimaklum tahun lalu. Maklumat tentang kadar bonus dan dividen yang diisytiharkan untuk polisi anda boleh didapati dalam penyata bonus yang dilampirkan bersama surat ini.

Prospek pelaburan masa depan kekal sangat tidak menentu, dipengaruhi oleh keadaan ekonomi global yang sentiasa berubah, tekanan inflasi yang berterusan dan dasar monetari bank-bank pusat. Dinamik perdagangan, termasuk perubahan tarif dan ketegangan geopolitik yang semakin meningkat, turut menyumbang kepada ketidakpastian pasaran.

Sila ambil perhatian bahawa kadar bonus dan dividen pada masa hadapan, termasuk bonus matang dan bonus terminal **tidak dijamin** dan **akan dikaji semula sekurang-kurangnya sekali setahun**. Matlamat kami adalah untuk menjana pulangan yang berpatutan sepanjang tempoh polisi anda, oleh itu anda tidak perlu risau kerana sebarang keputusan yang dibuat adalah berlandaskan prinsip dan amalan pengurusan kewangan yang telah kami terbitkan. Ini memastikan para pemegang polisi dilayan dengan adil, sekali gus membantu membina masa depan yang lebih cerah untuk anda dan orang tersayang.

Bagi pihak Zurich Malaysia, terima kasih atas kepercayaan dan sokongan berterusan anda. Kami sentiasa bersama anda di setiap peringkat perjalanan hidup anda; melindungi segala perkara yang bermakna.

Nota: Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan dan manfaat yang dibayar daripada bahagian unit sijil berkaitan pelaburan adalah tertakluk pada syarat-syarat tertentu. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)

Yang benar,

Pauline Teoh Bee Lin
Ketua Pegawai Eksekutif
Zurich Life Insurance Malaysia Berhad

Memahami Penyata Bonus Tahunan Anda

Penyata bonus tahunan anda mengandungi maklumat penting mengenai polisi anda di dalam Dana. Kami menggalakkan anda membacanya dengan teliti dan menyimpannya di tempat yang selamat. Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini merangkumi tiga perkara:

- a) Bonus berbalik atau dividen tunai yang telah dimasukkan ke dalam polisi anda berdasarkan prestasi Dana pada tahun 2024 dan nilai serahan semasa polisi anda.
- b) Cara mendapatkan maklumat prestasi Dana sepanjang tahun lepas, bagaimana ia mungkin mempengaruhi polisi anda dan prospek masa depan polisi anda.
- c) Cara menghubungi kami untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Bagi produk-produk terpilih, kami mungkin akan menambah bonus berbalik kepada polisi anda setiap tahun. Bonus ini akan diisytiharkan sebagai tambahan kepada jumlah muka polisi anda dan hanya akan dimasukkan selepas lengkap tempoh yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam kontrak polisi, iaitu ianya akan dibayar sekiranya berlaku kematian, penyerahan polisi atau polisi mencapai tempoh matang. Bonus ini adalah milik polisi anda dan kami tidak boleh mengurangkan atau mengambilnya kembali.

Bagi produk-produk lain, pembayaran dividen tunai mungkin dibuat setiap tahun. Anda boleh melaburkan dividen ini semula ke dalam Dana atau membuat pengeluaran tunai. Buat masa ini kadar pulangan dividen tunai yang dilabur semula ke dalam Dana adalah 2.25%. Sila ambil perhatian bahawa kadar ini **tidak dijamin**.

Jadual 1 dalam penyata bonus tahunan anda menunjukkan bonus berbalik atau dividen tunai yang boleh dibayar kepada polisi anda. Sila maklum bahawa kadar dividen tunai bagi tahun polisi berbeza dari tahun ke tahun seperti rekaan asal produk tersebut.

Jadual 2 menunjukkan maklumat polisi anda. Jadual 3 menunjukkan **bonus tidak dijamin**, nilai serahan tunai dan pinjaman lain berdasarkan tarikh penyata. Jumlah bersih nilai serahan tunai adalah jumlah yang tersedia untuk anda sekiranya anda menyerahkan polisi, selepas ditolak sebarang pinjaman tertunggak dan bayaran bunga pinjaman. Maklumat mengenai Pemegang Serah Hak/Penama, seperti dalam rekod kami, ditunjukkan di Jadual 4.

Pilihan Tahun Kritikal

Apabila anda membeli polisi, anda mungkin telah memilih Pilihan Tahun Kritikal. Pilihan ini bermaksud selepas tempoh tertentu – dan sekiranya polisi anda mempunyai nilai tunai atau dividen tunai terkumpul yang mencukupi, anda mungkin boleh berhenti membayar premium dan terus menikmati manfaat polisi bagi baki tempoh polisi. Walau bagaimanapun, Tahun Kritikal ini **tidak dijamin** kerana ia bergantung kepada bonus berbalik dan dividen tunai yang diisytiharkan ke atas polisi anda.

Jika polisi anda mempunyai dividen tunai terkumpul, dividen ini akan digunakan untuk membayar premium anda dibawah Pilihan Tahun Kritikal. Jika tiada dividen tunai terkumpul, premium akan dibiayai oleh Pinjaman Premium Automatik yang akan mengurangkan nilai tunai polisi anda. Oleh itu, anda mungkin perlu masih membayar premium selepas Tahun Kritikal seperti yang dijelaskan ketika polisi berkuatkuasa, atau polisi anda berkemungkinan luput (yang menyebabkan perlindungan anda tamat). Disamping itu, sebarang manfaat-manfaat tambahan yang anda ambil, contohnya menaikkan had perlindungan, pengeluaran tunai, atau pinjaman polisi – juga mungkin akan memberi impak terhadap Pilihan Tahun Kritikal anda.

Jika anda tidak memilih Pilihan Tahun Kritikal, anda perlu terus membayar premium seperti biasa. Sila ambil perhatian bahawa manfaat matang akhir polisi mungkin berbeza daripada jumlah yang dinyatakan dalam ilustrasi jualan asal anda, kerana bonus **tidak dijamin** dan boleh berubah bergantung kepada prestasi pelaburan lalu dan prospek masa depan Dana.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Pilihan Tahun Kritikal anda atau bagaimana polisi anda boleh terjejas oleh pelaksanaan semakan bonus, sila hubungi kami di 1-300-888-622.

Maklumat Tambahan Mengenai Dana Penyertaan

Maklumat dibawah kini tersedia atau akan dikemaskini dalam tempoh beberapa bulan akan datang di laman sesawang kami di www.zurich.com.my/parfund

- i) Satu set Soalan-soalan Lazim (FAQ) untuk menjawab pertanyaan mengenai Dana dan produk-produk berkaitan (kini boleh didapati) di laman sesawang kami di www.zurich.com.my/parfund).
- ii) Risalah 'Laporan Dana Penyertaan Hayat, 2024' yang menerangkan latar belakang Dana, tujuan dan objektifnya, perkembangan tahun kewangan 2024 dan situasi semasa (boleh diperolehi pada akhir Ogos 2025).
- iii) Panduan lengkap mengenai pengurusan Dana yang dipanggil 'Prinsip dan Amalan Pengurusan Kewangan' atau PPFM (kini boleh didapati).